

## ARAHAN 20/2020

### DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 24 Syawal 1441 bersamaan dengan 16 Jun 2020,
  - 1.1. Mengambil kira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang akan bermula pada **hari Khamis, 26 Syawal 1441H bersamaan dengan 18 Jun 2020** seperti berikut:
    - a) Aktiviti-aktiviti berikut akan dinaikkan daripada tahap pertama ke tahap kedua seperti berikut,
      - Sekolah-sekolah
      - Institusi pendidikan vokasional, teknikal dan tinggi
      - Sekolah tusyen dan sekolah muzik

- b) Syarat-syarat pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bagi sekolah dan institusi pendidikan adalah sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.
  - c) Sementara itu, sekolah tusyen dan sekolah muzik adalah dibenarkan beroperasi dalam kelas yang kecil iaitu kurang dari lima orang penuntut pada satu-satu masa.
  - d) Garispanduan penjarakan sosial yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan hendaklah dipatuhi dan sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan hendaklah melakukan tanggungjawab sosial masing-masing dengan tidak menghadirkan diri di tempat-tempat tersebut.
2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441  
18 Jun 2020